

Golongan muda diingat elak rasuah

UM 29 JUN 2003

dleh **ROZILAN SALLEH**

KUALA LUMPUR 28 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini, terutama golongan muda bahawa rasuah harus dielakkan daripada meracuni pemikiran mereka kerana kemerdekaan sesebuah negara boleh terjejas hanya disebabkan oleh gejala negatif tersebut.

Perdana Menteri berkata, generasi muda nerlu belajar daripada sejarah apabila kebebasan negara hampir hilang ekoran perjanjian Sir Harold McMichael ditandatangani.

“Di masa lain, jalan keluar mungkin tidak semudah itu lagi,” katanya pada majlis penyampaian Anugerah Pingat Integriti Negara di sini malam ini.

Dr. Mahathir turut menyampaikan anugerah pingat itu kepada tiga tokoh yang telah berjasa kepada negara iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman; bekas Menteri Kewangan, mendiang Tun Tan Siew Sin dan bekas Gabenor Bank Negara, Allahyarham Tun Ismail Mohamad Ali.

Mohd. Taufik Tun Dr. Ismail menerima

anugerah bagi bapanya manakala anak kepada Siew Sin, Tan Sioh Choo mewakili keluarga bekas Menteri Kewangan itu.

Dua anak Tun Ismail, Kamal dan Iskandar pula menerima anugerah mewakili keluarga mereka.

Menurut Perdana Menteri, negeri-negeri Melayu terpaksa mengambil masa yang lama untuk mengembalikan semula kedaulatan mereka disebabkan amalan rasuah masa dahulu.

Oleh itu, katanya, semua lapisan masyarakat perlu diterapkan dengan disiplin dan nilai-nilai murni yang dapat menghindari amalan rasuah.

Senjata

Rasuah tidak boleh dibanteras melalui undang-undang tetapi senjata paling berkesan ialah disiplin dan patuh kepada nilai-nilai yang menghalang seseorang daripada terbabit dengan amalan tidak sihat, jelasnya.

Dr. Mahathir turut menyuarakan kebimbangannya terhadap kemungkinan rakyat akan melupakan nilai-nilai mulia akibat dikaburi dengan kebendaan dan sikap tamak.

“Saya tidak ragui yang masa depan kita sebagai sebuah negara yang berjaya

dan seimbang yang bukan sahaja bergantung kepada secepat mana kita belajar untuk menguasai teknologi yang canggih.

“Tetapi yang lebih penting ialah sejauh mana kita bersedia sebagai individu dan sebagai masyarakat untuk mengiktiraf pentingnya apa yang dianggap oleh Transparency International sebagai sistem integriti negara,” katanya.

Transparency International ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang memantau amalan rasuah dalam perniagaan dan urusan kerajaan.

Walaupun mengetatkan peraturan, namun amalan rasuah boleh berlaku disebabkan adanya pemberi dan penerima.

Menurut Dr. Mahathir lagi, banyak pihak percaya golongan berkedudukan tinggi sahaja perlu diambil tindakan kerana terbabit dengan rasuah manakala golongan bawahan boleh dilupakan.

Bagaimanapun, katanya, budaya rasuah bermula dari peringkat bawahan dan apabila rasuah menjadi sesuatu yang diterima, ia akan menjadi budaya yang akhirnya sukar diubah.

Katanya, negara yang menjadikan rasuah sebagai budaya, tetap tidak akan maju walaupun kelihatan kaya.